

Media : Utusan

Date : 7 Julai 2023

Kempen makan sihat hidup aktif

AJINOMOTO (M) Berhad (AMB) melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan kesedaran rakyat bersempena Bulan Nutrisi Malaysia (NMM) 2023 di Sunway Velocity Mall, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sepanjang tempoh tersebut, AMB memberi fokus mendidik orang ramai mengenai gaya hidup lebih sihat dengan menggalakkan pengurangan penggunaan garam dan menggunakan bahan lain yang mampu mengurangkan pengambilan sodium sehingga 40 peratus.

AMB turut melaksanakan program lain termasuk permainan interaktif, video dan bahan pendidikan di ruang pameran syarikat berkenaan.

■ PRESIDEN Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM), Dr. Tee E Siong (tengah) bergambar bersama petugas AMB sempena Bulan Nutrisi Malaysia (NMM) 2023 di Sunway Velocity Mall, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

